

Headline	Kadar SST elektrik patut dikekalkan, elak gelombang kenaikan harga		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	10
ArticleSize	193 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,276		



Kadar SST elektrik patut dikekalkan, elak gelombang kenaikan harga

SHAH ALAM - Kerajaan sepatutnya mengekalkan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bagi perkhidmatan elektrik sebanyak enam peratus kepada semua pengguna termasuk sektor komersial untuk mengelakkan gelombang kenaikan harga barang berlaku lagi.

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, sebagai wakil rakyat, kenaikan perkhidmatan itu pastinya akan membebankan rakyat.

Menurutnya, tarif elektrik telah meningkat beberapa kali sejak tahun lalu dan pada Januari tahun ini.

“Kenaikan kadar SST bil elektrik komersial akan menjejaskan kedai, kilang dan gudang dan akhirnya akan meresap kepada rakyat.

“Kesannya kepada rakyat tidak dapat dielakkan kerana kos tambahan akan diturunkan dan ditanggung oleh pengguna dalam jangka masa panjang,” katanya pada Khamis.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai penjelasan Kementerian Kewangan (MOF) pada Rabu bahawa kenaikan cukai bagi elektrik hanya dikenakan ke atas kadar penggunaan



KA SIONG

lebih 600 kilowatt sejam (kWj).

Perkhidmatan air terawat pula sememangnya tidak pernah dan tidak akan terlibat dengan kenaikan kadar SST bermula Jumaat.

Ka Siong sebelum ini dilaporkan menggesa kerajaan mengecualikan kenaikan kadar SST daripada enam kepada lapan peratus bagi elektrik dan air kerana ia dikhuatiri menjadi

penghulu kepada segala kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Mengulas lanjut, Presiden MCA itu menegaskan, nilai ambang penggunaan elektrik yang diletakkan kerajaan juga akan membuatkan golongan M40 tersepit.

“Sekarang cuaca panas, kebanyakan keluarga mula tambah pendingin hawa dan kerap menghidupkannya.

“Jadi mereka terpaksa membayar lebih dari nilai ambang atau lebih RM220 sebulan untuk bil elektrik mereka,” ujarinya.

Kata Ka Siong, dengan segala bebanan yang ditanggung ketika ini termasuk kenaikan tarif air bermula 1 Februari lalu, beliau khuatir rakyat tidak dapat menyerap tekanan yang begitu besar.